



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan  
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGAJAR TEKNIK KANAN (G.11)  
INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta  
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENGAJAR TEKNIK KANAN  
INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
G.11 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**BIDANG:**    ***ACCOUNTING* - 1 JAWATAN**  
                    ***LIBRARY AND INFORMATION STUDIES* - 1 JAWATAN**  
                    ***SCIENCE* - 1 JAWATAN**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang *Accounting / Library and Information Studies / Science* atau bidang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.8 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi yang tidak mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan adalah dikehendaki untuk menjalani latihan dalam bidang Pendidikan seperti kursus-kursus *Diploma in Technical Education* dan *Certificate in Technical Education* dan yang berhubungkait dengan Pendidikan dalam tempoh 3 tahun mulai tarikh dilantik ke jawatan ini.

3. Mempunyai Laporan Pernilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengajar dan melatih pelajar sehingga peringkat *Higher National Technical Education Certificate (HNTec)* bagi modul-modul *Accounting / Science / Library and Information Studies*;
2. Membantu dalam penyelidikan dan perkembangan kurikulum;
3. Berperanan sebagai mentor kepada pengajar lain;
4. Membantu dalam pentadbiran atau pengurusan program dan pembelajaran;
5. Mengawas pelajar dalam kegiatan tambahan dan latihan industri;
6. Menghadiri latihan penempatan industri;
7. Mereka bentuk dan membuat alat bantu mengajar yang bersesuaian;
8. Menganggotai mana-mana jawatan kuasa yang ditentukan oleh pihak Pentadbiran Kampus;
9. Menggendarikan kursus-kursus lain / latihan disamping kursus / latihan yang formal; dan
10. Menjalankan tanggungjawab yang lain yang ditentukan oleh pihak atasan termasuk Pentadbiran Kampus dari semasa ke semasa.